

PENGUMUMAN KEPADA SEMUA PELAJAR RPJJ

PENDAFTARAN KURSUS SECARA e-DAFTAR SIDANG AKADEMIK 2017/2018

Untuk makluman pelajar keputusan penuh peperiksaan akhir Sidang Akademik 2016/2017 telah diumumkan pada 11 Julai 2017. Pendaftaran kursus secara e-Daftar bagi Sidang Akademik 2017/2018 akan bermula pada **1 Ogos 2017 dan tamat pada 30 Ogos 2017**. Pendaftaran kursus secara e-Daftar melibatkan semua pelajar yang berstatus aktif serta pelajar yang menangguh pengajian pada sidang akademik 2016/2017.

Pendaftaran kursus secara e-Daftar adalah mengikut major dan minor pelajar. Sehubungan itu, semua pelajar diminta untuk memastikan dan mengemaskini major dan minor. Sekiranya terdapat perubahan, pelajar hendaklah mengisi Borang Melapor Major/Minor dan hantar ke PPPJJ. Pelajar perlu menyemak status major, minor dan penasihat akademik dalam SMUP campus online sebelum mendaftar kursus. Pelajar juga perlu mendapat pengesahan dan nasihat daripada Penasihat Akademik masing-masing terlebih dahulu sebelum mengesahkan pendaftaran.

Pelajar dinasihatkan mendaftar kursus mengikut panduan pendaftaran kursus mengikut bidang. Maklumat panduan pendaftaran boleh didapati daripada portal pembelajaran RPJJ: <http://elearning.usm.my/pppjj>

Pendaftaran kursus secara e-Daftar perlu dibuat melalui portal campus online iaitu <http://campusonline.usm.my>.

Semua pelajar diminta untuk merujuk dan memahami proses panduan pendaftaran kursus terlebih dahulu sebelum mendaftar kursus agar pendaftaran kursus secara e-Daftar dapat berjalan dengan lancar.

Sila ambil perhatian, pelajar yang tidak mendaftar kursus untuk SA 2017/2018, nama boleh dikeluarkan daripada senarai pelajar berdaftar PPPJJ, USM.

Tatacara Pendaftaran Kursus:

No.	Proses	Laman	Http
1	Dapatkan maklumat Panduan Pendaftaran Kursus secara e-Daftar	Portal Pembelajaran RPJJ	http://elearning.usm.my/pppjj
2	Daftar Kursus	Campus Online (SMUP)	http://campusonline.usm.my